


## ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2017

Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017 mengandungi penyata Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2017 serta laporan program dan prestasi setiap agensi. Laporan tersebut mengandungi struktur program dan aktiviti termasuk objektif, pelanggan, strategi agensi serta prestasi setiap aktiviti yang turut dimuatkan bersama penyata Anggaran Perbelanjaan.

Buku ini juga mengandungi analisa Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2017 mengikut agihan Butiran Perbelanjaan, Objek Am dan Sektor, arah aliran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan serta agihan mengikut Sektor dari tahun 2013 hingga 2017. Manakala bagi setiap Maksud Bekalan, turut ditunjukkan perbelanjaan sebenar dari tahun 2013 hingga 2015, anggaran asal bagi tahun 2016 dan cadangan anggaran 2017.


### ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2017

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang diperakukan bagi tahun 2017 berjumlah RM262,800 juta. Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan sebanyak RM214,800 juta yang terdiri daripada perbelanjaan Bekalan sebanyak RM158,256 juta atau 60.2% dan perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM56,544 juta atau 21.5% dan Perbelanjaan Pembangunan disediakan peruntukkan sebanyak RM48,000 juta atau 18.3%. Rujuk *Carta I*.




## ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM214,800 juta diagihkan mengikut Objek-objek Am merangkumi Emolumen sebanyak RM77,422 juta (36.0%), Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM32,020 juta (14.9%), Aset sebanyak RM691 juta (0.3%), Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM103,850 juta (48.4%) dan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain sebanyak RM817 juta (0.4%). Rujuk *Carta II*.



## ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM48,000 juta iaitu Cara Langsung sebanyak RM42,590 juta (88.7%), Pinjaman sebanyak RM3,410 juta (7.1%) dan Simpanan Luar Jangka Panjang sebanyak RM2,000 juta (4.2%). Rujuk *Carta III*.




## ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN MENGIKUT SEKTOR

### Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Anggaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM214,800 juta diagihkan kepada Sektor-sektor Pentadbiran Am (RM11,288 juta atau 5.3%), Ekonomi (RM16,489 juta atau 7.7%), Sosial (RM85,976 juta atau 40.0%), Keselamatan (RM24,615 juta atau 11.4%) serta untuk Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan (RM76,432 juta atau 35.6%).


#### *Sektor Pentadbiran Am*

Sektor Pentadbiran Am disediakan peruntukan sebanyak RM11,288 juta. Daripada jumlah tersebut, diagihkan kepada Perkhidmatan-Perkhidmatan Am (RM10,181 juta), Perkhidmatan Luar Negeri (RM526 juta) serta Bayaran Balik dan Bayaran Ganti (RM581 juta). Sila rujuk *Carta IV*.




#### *Sektor Ekonomi*

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Sektor Ekonomi berjumlah RM16,489 juta, diagih kepada sembilan (9) sektor kecil, iaitu Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (RM3,823 juta), Pembangunan Sumber-Sumber Galian (RM100 juta), Perdagangan dan Perindustrian (RM3,044 juta), Pengangkutan (RM6,516 juta), Perhubungan (RM98 juta), Tenaga dan Kemudahan-Kemudahan Awam (RM99 juta), Penyelidikan dan Pembangunan (RM268 juta), Kewangan (RM2,447 juta) serta Alam Sekitar (RM94 juta) . Sila rujuk *Carta V*.



**Sektor Sosial**

Sektor Sosial disediakan peruntukan sebanyak RM85,976 juta di mana ia dipecahkan kepada Pendidikan dan Latihan (RM52,890 juta), Kesihatan dan Kependudukan (RM23,700 juta), Penerangan dan Penyiaran (RM1,125 juta), Perumahan (RM722 juta), Kebudayaan, Warisan, Belia dan Sukan (RM1,053 juta), Majlis-majlis Tempatan, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat (RM4,358 juta), Pembangunan Kampung dan Masyarakat (RM237 juta) serta Kebajikan Masyarakat, Perpaduan Negara dan Orang Asli (RM1,891 juta). Sila rujuk *Carta VI*.




### Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan disediakan peruntukan sebanyak RM24,615 juta di mana sebanyak RM11,684 juta daripada jumlah tersebut untuk Pertahanan dan sebanyak RM12,931 juta untuk Keselamatan Dalam Negeri seperti di *Carta VII*.




### Sektor-sektor Lain

Baki Anggaran Perbelanjaan Mengurus disediakan untuk Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan berjumlah RM76,432 juta. Tanggungan Tertentu diperuntukkan sebanyak RM50,846 juta bagi tujuan pembayaran Pencen dan Ganjaran (RM21,870 juta), Perkhidmatan Hutang Negara (RM28,866 juta) dan Tanggungan-tanggungan Lain (RM110 juta). Lihat *Carta VIII*.



Bayaran Pindahan diperuntukkan sejumlah RM25,586 juta di mana sebanyak RM3,047 juta adalah untuk Pemberian dan Pinjaman Kepada Negeri, RM901 juta untuk peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun, RM118 juta untuk Caruman Lain dan RM21,520 juta bagi Bayaran Pindahan Lain. Sila rujuk *Carta IX*.




### Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM48,000 juta diagihkan kepada beberapa sektor utama, iaitu Sektor Pentadbiran Am (RM2,671 juta atau 5.5%), Sektor Ekonomi (RM25,862 juta atau 53.9%), Sektor Sosial (RM12,180 juta atau 25.4%), Sektor Keselamatan (RM5,286 juta atau 11%) dan Peruntukan Simpanan Luar Jangka (RM2,000 juta atau 4.2%).


#### *Sektor Pentadbiran Am*

Sektor Pentadbiran Am disediakan peruntukan sebanyak RM2,671 juta. Daripada jumlah tersebut diagihkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Am (RM2,528 juta) dan Pembaikan dan Pengubahsuaian (RM143 juta). Sila rujuk *Carta X*.




### Sektor Ekonomi

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Sektor Ekonomi berjumlah RM25,862 juta diagihkan kepada 10 sektor kecil, iaitu Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (RM2,416 juta), Pembangunan Sumber-sumber Galian (RM178 juta), Perdagangan dan Perindustrian (RM4,927 juta), Pengangkutan (RM10,599 juta), Perhubungan (RM148 juta), Tenaga dan Kemudahan-kemudahan Awam (RM2,597 juta), Kajian Kemungkinan (RM42 juta), Penyelidikan dan Pembangunan (RM723 juta), Kewangan (RM2,035 juta) dan Alam Sekitar (RM2,197 juta). Sila rujuk *Carta XI*.




### Sektor Sosial

Sektor Sosial disediakan peruntukan sebanyak RM12,180 juta, iaitu diagihkan kepada Pendidikan dan Latihan (RM5,903 juta), Kesihatan dan Kependudukan (RM1,532 juta), Penerangan dan Penyiaran (RM62 juta), Perumahan (RM870 juta), Kebudayaan, Warisan, Belia dan Sukan (RM518 juta), Majlis-majlis Tempatan, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat (RM723 juta), Pembangunan Kampung dan Masyarakat (RM2,045 juta) dan Kebajikan Masyarakat, Perpaduan Negara dan Orang Asli (RM527 juta). Sila rujuk *Carta XII*.



***Sektor Keselamatan***

Sektor Keselamatan disediakan peruntukan sebanyak RM5,286 juta, iaitu sebanyak RM4,250 juta bagi Pertahanan dan sebanyak RM1,036 juta bagi Keselamatan Dalam Negeri seperti di *Carta XIII*.




***Simpanan Luar Jangka***

Sejumlah RM2,000 juta disediakan di bawah peruntukan Simpanan Luar Jangka bagi membiayai projek pembangunan yang memerlukan peruntukan tambahan di luar jangkaan.




## ARAH ALIRAN PERBELANJAAN MENGURUS 2013 – 2017

Bagi tempoh 2013 – 2017, arah aliran Perbelanjaan Mengurus (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) meningkat dari RM213,370 juta pada tahun 2013 kepada RM214,800 juta pada tahun 2017. Rujuk *Carta XIV*.




## ARAH ALIRAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2013 – 2017

Arah aliran Perbelanjaan Pembangunan bagi tempoh 2013 hingga 2017 menunjukkan trend turun-naik seperti *Carta XV*. Ini kerana Perbelanjaan Pembangunan adalah berdasarkan kepada trend pelaksanaan projek/program di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) (2013 – 2015) dan (RMKe-11) bagi tahun 2016 dan 2017.



## PERBELANJAAN MENGRUS 2013 – 2017 MENGIKUT SEKTOR

Perbelanjaan Mengurus dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran Am, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Bagi tempoh 2013 – 2017, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada Sektor Sosial iaitu sebanyak 40% diikuti oleh Tanggungan Tertentu sebanyak 23.7%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan seperti di *Carta XVI*.



## PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2013 – 2017 MENGIKUT SEKTOR

Perbelanjaan Pembangunan dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran Am, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta untuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka. Bagi tempoh 2013 – 2017, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada dua (2) sektor iaitu Ekonomi dan Sosial yang mencecah 82.7%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan 17.3%. Sila rujuk *Carta XVII*.

